



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN
TARIKH	:	22.11.22
JABATAN	:	MUKA SURAT : 12 TNB

# Kes renjatan elektrik: Hasil siasatan diketahui dalam masa terdekat

**TAMPIN:** Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST) bakal mengumumkan hasil siasatan insiden membabitkan dua beradik yang maut dipercayai terkena renjatan elektrik di Kampung Teras Jernang, Bandar Baru Bangi, Selangor penghujung September lalu.

Pengarah Jabatan Penguasaan dan Operasi Kawasan ST, Mohd. Elmi Anas berkata, buat masa ini, pihaknya masih lagi menyiasat kejadian tersebut dan hasil siasatan dijangka siap tidak lama lagi.

“Siasatan awal mendapati sememangnya terdapat kebo-coran arus, namun maklumat lanjut hanya akan dimaklumkan selepas siasatan lengkap dengan meneliti pelbagai aspek,” katanya ketika ditemui sempena Program Touchpoint di Pejabat Kawasan ST Negeri Sembilan dan Melaka (STNSM) di Kampung Kurnia Diraja, Ge-

mas di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan orang ramai untuk melaporkan segera kepada pihak Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sekiranya melihat terdapat talian perkhidmatan TNB yang menghampiri zink atau logam.

“Tuan-tuan rumah yang ingin menambah *awning* (sengkuap) bumbung boleh memaklumkan TNB untuk mengalihkan perkhidmatan berkenaan sekiranya menghalang bangunan, juga dengan tujuan yang sama bagi mengelakkan perkara seumpama itu berlaku lagi,” katanya.

Terdahulu, media melaporkan dua beradik lelaki maut akibat terkena renjatan elektrik ketika mandi di dalam sebuah besen di pekarangan rumah mereka di Kampung Teras Jernang, Bandar Baru Bangi, Selangor 30 September lalu.

